

Islamic Banking, Accounting And Finance International Conference– The 9thiBAF 2020

Penggunaan *FinTech* Di Kalangan Institusi Perbankan Islam Sebagai Ejen Kutipan Zakat Menggunakan Perkhidmatan *Online Banking*

Mohd Faisol Ibrahim

Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Malaysia
E-mail: faisol@usim.edu.my

Abstrak

Zakat merupakan alat kewangan sosial Islam terpenting dalam masyarakat Islam. Zakat berada di kedudukan ketiga di dalam rukun Islam. Ledakan teknologi telah mengubah sistem pengurusan kewangan dan juga cara hidup masyarakat sekarang. Institusi pengurusan zakat di Malaysia perlu memanfaatkan perkembangan teknologi terkini untuk memastikan kutipan zakat dapat ditingkatkan setiap tahun. Ini akan memberi impak positif kepada agihan zakat untuk asnaf yang layak. Kemunculan *FinTech* di Malaysia telah mengubah corak pengurusan kewangan secara atas talian. Masyarakat sekarang pula lebih suka kepada sesuatu alat atau mekanisma yang mampu menjimatkan masa, kos, tenaga dan keselamatan diri. Oleh itu kajian ini akan mengkaji peranan institusi perbankan Islam di Malaysia sebagai ejen kutipan zakat melalui penggunaan *FinTech*. Kajian ini memfokuskan penggunaan *online banking* (perbankan internet) yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam kepada para pelanggan yang ingin menunaikan kewajipan membayar zakat secara cepat dan pantas. Kajian ini menggunakan kaedah temubual dan kajian perpustakaan bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Hasil kajian mendapati tidak semua institusi perbankan Islam menawarkan kemudahan bayaran zakat secara *online banking* kepada pelanggan mereka. Ini sangat merugikan institusi zakat dan pihak bank Islam itu sendiri. Justeru itu institusi zakat perlu meningkatkan kerjasama dengan institusi perbankan di Malaysia bagi memastikan kutipan zakat dapat ditingkatkan ke tahap maksimum dengan penawaran bayaran zakat secara atas talian oleh pihak perbankan Islam.

Kata Kunci: Zakat; institusi zakat; perbankan Islam; *FinTech*.

1. Pengenalan

Zakat merupakan alat pengagihan kekayaan dalam masyarakat. Golongan yang mempunyai pendapatan tertentu daripada harta tertentu akan dikenakan zakat jika cukup haul dan nisab. Menurut Wahbah Al-Zuhaili (1994) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001) zakat dari segi syarak ialah sesuatu hak yang wajib pada sesuatu harta untuk dikeluarkan kepada orang yang berhak mendapatkannya. Ini bermaksud sebahagian harta tertentu yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya iaitu golongan asnaf sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran. Asnaf ini terdiri daripada fakir, miskin, amil, *muallaf*, hamba (*riqab*), berhutang (*gharimin*), bermusafir kerana Allah (*ibnu sabil*) dan berjuang pada jalan Allah (*fi sabilillah*).

Pada masa dahulu kutipan zakat hanya dilakukan oleh amil yang dilantik oleh Sultan dan Raja bagi sesebuah negeri melalui institusi zakat negeri (Mahmud Zuhdi, 2007). Kemudian kutipan zakat mula diperluaskan dengan pembukaan kaunter-kaunter zakat di daerah-daerah dalam sesebuah negeri termasuk kaunter-kaunter di institut pengajian tinggi di Malaysia. Namun dengan wujudnya ledakan dan perkembangan teknologi maklumat serta perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia, kaedah pembayaran zakat tidak lagi tertumpu kepada kaedah konvensional sebaliknya pelbagai kaedah bayaran zakat disediakan oleh institusi zakat negeri dengan kerjasama

pelbagai pihak termasuk institusi perbankan Islam. Ini penting kerana perubahan kos sara hidup yang tinggi di Malaysia telah menyebabkan peningkatan bilangan golongan asnaf yang memerlukan bantuan zakat. Pihak institusi zakat perlu mencari alternatif terbaik dan berkesan untuk menangani isu ini dengan meningkatkan jumlah kutipan zakat melalui kerjasama dengan institusi perbankan Islam di Malaysia.

Pandemic COVID19 yang melanda Malaysia pula telah mengubah corak kehidupan masyarakat khususnya masyarakat Islam. Orang ramai tidak boleh keluar bekerja sewenang-wenangnya. Gerai-gerai kecil dan industri kecil sederhana tidak dibenarkan beroperasi khususnya di kawasan PKPD (perintah kawalan pergerakan diperketatkan). Perubahan corak kehidupan masyarakat ketika COVID19 ini telah mempengaruhi ekonomi negara (Mohd Faisol, 2020). Larangan bekerja telah menyebabkan pendapatan isi rumah terjejas akibat hilang punca pendapatan. Dasar bekerja dari rumah (*WFH*) telah membantutkan pengurusan sesetengah institusi. Suasana pandemic COVID19 ini akhirnya telah mempengaruhi dan memberi kesan negatif kepada struktur sistem kutipan zakat yang diuruskan oleh institusi zakat negeri. Sebagai institusi kewangan sosial Islam utama, institusi zakat perlu bertindak pantas dengan menghulurkan bantuan agihan zakat kepada mangsa-mangsa keadaan pandemik COVID19. Peruntukan ini akhirnya mempengaruhi jumlah kutipan zakat pada tahun semasa. Oleh itu institusi zakat negeri perlu merangka strategi kutipan zakat bersepadu dan komprehensif menggunakan teknologi terkini dengan bantuan kerjasama daripada institusi lain ataupun menggunakan kepakaran modal insan institusi zakat negeri itu sendiri.

Ledakan teknologi pada zaman revolusi perindustrian 4.0 menerusi penggunaa *FinTech* telah mempengaruhi sistem kewangan dan perbankan khususnya perbankan Islam di Malaysia. *FinTech* merupakan singkatan perkataan *Financial Technology* yang membawa maksud Teknologi Kewangan. Secara umumnya *FinTech* dimaksudkan sebagai teknologi kewangan terkini yang digunakan dalam sistem kewangan. Perkembangan *FinTech* dapat dibahagikan kepada tiga tahap (Rizal, 2018) dan penggunaan perbankan internet termasuk dalam tahap ke dua manakala penggunaan iPhone bagi urusan kewangan termasuk *FinTech* tahap ke tiga. Penggunaan *FinTech* mula berlaku secara mendadak selepas dunia dikejutkan dengan krisis kewangan global pada tahun 2008. Pada tahun 2018 terdapat 85.1% penduduk di Malaysia menggunakan perbankan atas talian bagi urusan mereka (Laporan *FinTech*, 2018). Beberapa kajian telah dibuat ke atas perkembangan perkhidmatan asas elektronik dan operasinya iaitu dengan kehadiran *FinTech* telah membolehkan bank dan institusi kewangan menyediakan banyak pilihan alternatif yang lebih murah dan efisien bagi pengguna mendapatkan maklumat seterusnya melakukan transaksi jual atau beli produk dan perkhidmatan perbankan (Siti Nur & Mohd Hasimi, 2020).

Kekangan masa, tenaga, wang dan faktor keselamatan menyebabkan masyarakat mula berpindah kepada penggunaan perbankan atas talian. Masyarakat kini tidak lagi perlu membawa wang dalam jumlah yang banyak hanya sekadar penggunaan *FinTech* seperti kad debit, kad kredit, e-dompet dan aplikasi atas talian lain seperti jom pay, e-zakat, perbankan internet dan lain-lain lagi. Institusi perbankan khususnya perbankan Islam mula mengaplikasikan penggunaan *FinTech* dalam urusan perbankan mereka bagi memudahkan urusan mereka seterusnya menarik minat pelanggan dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Terdapat institusi zakat di Malaysia yang telah menjalankan kerjasama dengan pihak bank (Mohd Faisol, 2016) bagi menggunakan kemudahan *FinTech* ini untuk memudahkan pelanggan mereka membayar zakat. Ini secara tidak langsung membantu melonjakkan jumlah kutipan zakat. Kajian berkaitan dengan metodologi bayaran dan kutipan zakat di Malaysia oleh institusi zakat adalah sesuatu yang baharu dan signifikan lebih-lebih lagi dunia sekarang berada di dalam era ledakan teknologi maklumat yang tiada batasnya. Oleh itu kajian ini akan mengkaji peranan institusi perbankan Islam di Malaysia sebagai ejen kutipan zakat membantu kutipan zakat melalui aplikasi *FinTech*.

2. Literatur Kajian

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang penggunaan teknologi dalam kaedah kutipan zakat di Malaysia antaranya Shawal Kaslam (2009) mendapati bahawa e-Zakat telah muncul sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam mengintegrasikan aplikasi internet untuk membina sebuah institusi yang berdaya saing moden zakat. Pandangan ini disokong oleh Md. Shahnur (2013) yang mendapati penggunaan aplikasi atas talian dapat mengurangkan masalah ketirisan atau kebocoran dalam pengurusan kewangan serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. Ini penting bagi meningkatkan keyakinan pembayar zakat di Malaysia agar membayar zakat melalui kaedah atas talian.

Kajian yang dilakukan oleh Fidlizan et al. (2012) pula menyatakan peningkatan yang ditunjukkan dalam jumlah kutipan zakat di PPZ adalah hasil inisiatif yang diusahakan oleh PPZ-MAIWP melalui Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan Korporat yang berperanan untuk mengkaji, menganalisa dan membuat cadangan kepada

pengurusan berkenaan sebarang perancangan pembangunan, aktiviti-aktiviti baru serta penambahan dan pengenalan kaedah pembayaran zakat terbaharu seperti kaedah potongan gaji, perbankan internet dan ATM.

Kepelbagaian kaedah bayaran zakat oleh institusi zakat di Malaysia sebenarnya mampu meningkatkan hasil kutipan zakat (Mohammed Yusoff & Sorfina, 2012). Pandangan ini amat bertepatan dengan Hairunnizam et al. (2009) yang menerangkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat iaitu kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastaan institusi zakat dan sebagainya. Menurut Mohd Faisol (2016) pula, terdapat ketidakseragaman kaedah-kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh institusi zakat termasuk institusi zakat yang dikorporatkan dan institusi zakat yang tidak dikorporatkan.

Selain itu, perkhidmatan atas talian seperti perbankan internet, kaunter pos, kaunter bank, perbankan telefon, khidmat pesanan ringkas serta kaunter pusat zakat yang ada di pelbagai tempat tumpuan awam diadakan, bertujuan hanya untuk membantu umat Islam berzakat dengan lebih mudah dan sekaligus berupaya meningkatkan lagi kutipan zakat saban tahun (Muhsin, 2014). Pandangan ini di sokong oleh kajian yang dilakukan Aman et.al (2020) yang menyatakan bahawa sebelum ini bayaran zakat fitrah hanya menggunakan wang fiat tetapi sekarang bayaran zakat fitrah boleh menggunakan teknologi kewangan (*FinTech*). Menurut Ridzuan (2020), penggunaan *FinTech* terhadap pengurusan Lembaga Zakat Kedah sangat penting khususnya berkaitan kutipan kerana semua institusi kewangan di Malaysia sudah bergerak ke arah *Fintech*. Menurutny lagi sekiranya pengurusan zakat negeri tidak mengikuti perkembangan *FinTech* akan menyebabkan mereka jauh ketinggalan.

Kajian oleh Mohd Faisol (2016) mendapati faktor faktor demografi institusi zakat negeri, kekurangan kerjasama antara institusi zakat negeri dengan LHDN dan pihak IPTA serta IPTA dan juga ketiadaan Akta dan Ordinan ataupun Enakmen khusus yang mewajibkan semua institusi perbankan Islam di Malaysia perlu menawarkan kaunter zakat oleh pihak BNM telah menyebabkan wujudnya ketidakseragaman kaedah kutipan zakat di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Faisol (2014) menjelaskan bahawa penggunaan laman sesawang zakat membolehkan para pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini dengan tepat di mana sahaja mereka berada dengan fungsi *streamyx*, *broadband* dan *wifi*, maka pembayaran zakat juga boleh dilakukan secara jarak jauh atau pun atas talian melalui laman sesawang tersebut.


Menurut Hasan & Ezani (2006) pula menyarankan agar institusi zakat tidak cukup hanya diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip tradisional tetapi lebih dari itu bagi mencapai tahap profesionalisme institusi zakat. Pengurusan zakat pada masa kini juga memerlukan pengurus yang mempunyai ilmu-ilmu lain seperti pengurusan, keusahawanan, teknologi dan sebagainya. Ini akhirnya mampu meningkatkan profesionalisme pengurusan zakat, meningkatkan keyakinan pembayar zakat dan akhirnya akan meningkatkan lagi dana zakat (Hairunnizam Wahid et al., 2009).

3. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dan jenis kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu mengumpul data yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat keperpustakaan. Antara bahan yang terlibat dalam pencarian maklumat adalah buku, akhbar, jurnal, majalah asnaf, majalah dewan ekonomi, laporan tahunan institusi zakat negeri dan juga laman sesawang setiap institusi zakat negeri. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kutipan dan bayaran zakat di Malaysia. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual ringkas yang dilakukan melalui telefon terhadap wakil daripada institusi zakat negeri tertentu. Kajian ini hanya memfokuskan Lembaga Zakat Selangor, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dan Lembaga Zakat Negeri Kedah. Ketiga-tiga institusi zakat ini merupakan institusi zakat yang telah dikorporatkan dan merupakan antara institusi zakat negeri yang mempunyai jumlah kutipan tertinggi berbanding institusi zakat yang lain.

4. Hasil dan perbincangan

4.1 Model Kutipan dan Bayaran Zakat Menggunakan *FinTech* Melalui Perbankan Internet

Rajah 1. Model Kutipan dan Bayaran Zakat Menggunakan *FinTech* Melalui Perbankan Internet

Perbankan internet merupakan salah satu kemudahan yang wujud dalam *FinTech* khusus untuk industri perbankan. Melalui penawaran perbankan internet ini sistem perbankan Islam mampu menarik lebih ramai pelanggan yang beragama Islam agar mencarum di institusi mereka kerana melalui perbankan internet para pelanggan yang ingin menunaikan kewajipan membayar pelbagai jenis zakat, boleh dilakukan di mana-mana tanpa perlu hadir ke institusi zakat negeri.

Rajah 1 di atas menunjukkan model kutipan dan bayaran zakat menggunakan *FinTech* melalui perkhidmatan perbankan internet. Berdasarkan rajah di atas pelanggan bank yang ingin menunaikan kewajipan berzakat mesti terdiri daripada pelanggan yang mempunyai akaun simpanan di salah sebuah 16 institusi perbankan Islam di Malaysia. Sekiranya pelanggan mempunyai akaun simpanan di institusi perbankan Islam, pelanggan hanya perlu melayari laman sesawang institusi zakat negeri dan cari perkataan Jom Pay/Jom Berzakat dan tekan butang klik di situ. Setelah butang klik ditekan pelanggan perlu mengisi beberapa maklumat peribadi dan jumlah zakat yang ingin dibayar kepada institusi zakat. Maklumat peribadi perlu diisi oleh pelanggan kerana pihak institusi zakat akan menyimpan data pelanggan bagi kemudahan pelanggan jika memerlukan resit bagi tujuan rebat cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Zakat yang telah dibayar melalui perbankan internet ini akan dipotong melalui akaun simpanan pelanggan di institusi perbankan Islam. Ini membuktikan model kutipan dan bayaran zakat menggunakan *FinTech* melalui perkhidmatan perbankan internet menjadi pemudah cara untuk pelanggan perbankan Islam menunaikan kewajipan berzakat. Selain itu juga, ini secara tidak langsung akan memberi kesan positif kepada kenaikan jumlah kutipan zakat bagi institusi zakat negeri. Para pelanggan perbankan Islam juga tidak lagi mempunyai alasan untuk tidak menunaikan kewajipan menunaikan rukun Islam yang ketiga ini.

4.2 Perkhidmatan Kutipan dan Bayaran Zakat Menggunakan *FinTech* Melalui Perbankan Internet oleh Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Pada tahun 2020 terdapat 16 institusi perbankan Islam (BNM, 2020) yang menawarkan perkhidmatan berasaskan Syariah 100 peratus. Berbanding pada tahun 1984 hanya sebuah bank Islam sahaja yang beroperasi di Malaysia iaitu

Bank Islam Malaysia Berhad. Kewujudan 16 institusi perbankan Islam di Malaysia ini telah mengubah corak pengurusan zakat di Malaysia khususnya berkaitan kutipan zakat.

Rajah 2. Perkhidmatan Kutipan dan Bayaran Zakat Menggunakan FinTech Melalui Perbankan Internet oleh Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Institusi Perbankan Islam	Pemilikan	LZS	PPZ MAIWP	LZNK
Affin Islamic Bank Berhad	Tempatan	-	☐	-
Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	Asing	-	-	☐
Alliance Islamic Bank Berhad	Tempatan	☐	-	-
AmBank Islamic Berhad	Tempatan	☐	☐	☐
Bank Islam Malaysia Berhad	Tempatan	☐	☐	☐
Bank Muamalat Malaysia Berhad	Tempatan	-	☐	☐
CIMB Islamic Bank Berhad	Tempatan	☐	☐	☐
HSBC Amanah Malaysia Berhad	Asing	☐	☐	-
Hong Leong Islamic Bank Berhad	Tempatan	-	☐	☐
Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	Asing	-	-	-
MBSB Bank Berhad	Tempatan	-	-	-
Maybank Islamic Berhad	Tempatan	☐	☐	☐
OCBC Al-Amin Bank Berhad	Asing	☐	☐	-
Public Islamic Bank Berhad	Tempatan	☐	☐	☐
RHB Islamic Bank Berhad	Tempatan	☐	☐	-
Standard Chartered Saadiq Berhad	Asing	-	☐	☐

Sumber: Laman sesawang BNM 2020, laman sesawang LZS 2020, laman sesawang PPZ MAIWP 2020, laman sesawang LZNK 2020.

Rajah 2 di atas menunjukkan 16 institusi perbankan Islam yang beroperasi di Malaysia pada tahun 2020. Terdapat empat buah institusi perbankan Islam yang beroperasi di Malaysia dimiliki oleh pemilikan asing manakala selebihnya adalah pemilikan tempatan. Rajah di atas juga jelas memperlihatkan hampir semua institusi perbankan Islam di Malaysia terlibat dengan perkhidmatan bayaran zakat menggunakan kemudahan perbankan internet kecuali Kuwait Finance House Malaysia Berhad (bank yang sudah lama beroperasi di Malaysia) dan MBSB Bank Berhad. Ini menunjukkan bahawa institusi perbankan Islam di Malaysia memainkan peranan yang penting bagi membantu pelanggan yang beragama Islam menunaikan kewajipan rukun Islam yang ketiga. Selain itu ia juga membuktikan bahawa wujud kerjasama erat antara sektor perbankan Islam dengan sektor kewangan sosial Islam di Malaysia. Hubungan kerjasama yang erat ini mampu melonjakkan jumlah kutipan zakat yang tinggi setiap tahun oleh institusi zakat negeri.

Di samping itu PPZ MAIWP merupakan institusi zakat negeri yang mempunyai bilangan institusi perbankan Islam terbanyak menawarkan perkhidmatan bayaran zakat menggunakan kemudahan perbankan internet iaitu 75% daripada keseluruhan institusi perbankan Islam di Malaysia. Hanya dua buah institusi perbankan Islam asing dan dua buah institusi perbankan Islam tempatan yang masih belum berjaya menjalin kerjasama dengan PPZ MAIWP.

LZS dan LZNK pula masing-masing mempunyai sembilan buah institusi perbankan Islam yang menawarkan perkhidmatan bayaran zakat menggunakan kemudahan perbankan internet. Bagi LZS dan LZNK juga terdapat hanya dua institusi perbankan Islam asing yang menawarkan perbankan internet bagi perkhidmatan bayaran zakat

iaitu HSBC Amanah Malaysia Berhad dan OCBC Al-Amin Bank Berhad dengan LZS dan LZNk pula ialah Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad dan Standard Chartered Saadiq Berhad.

Selain itu Bank Muamalat Malaysia Berhad yang merupakan bank Islam kedua ditubuhkan di Malaysia hanya menawarkan perkhidmatan perbankan internet untuk pembayaran zakat kepada PPZ MAIWP dan LZNK sahaja sedangkan LZS merupakan institusi zakat negeri yang mempunyai jumlah kutipan zakat di Malaysia. Usaha yang jitu perlu dilakukan oleh pihak LZS agar Bank Muamalat Malaysia Berhad turut menawarkan perkhidmatan perbankan internet untuk pembayaran zakat kepada LZS.

Terdapat lima buah institusi perbankan Islam yang berjaya menawarkan perkhidmatan bayaran zakat dengan menggunakan perbankan internet bagi ketiga-tiga institusi zakat ini iaitu AmBank Islamic Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Berhad dan Public Islamic Bank Berhad. Ini menunjukkan masih terdapat kelompangan hubungan kerjasama institusi perbankan Islam di Malaysia dengan institusi zakat di Malaysia. Kelompangan ini perlu segera di atasi bagi memastikan jumlah kutipan zakat dapat ditingkatkan ke tahap yang paling optimum. Peningkatan jumlah kutipan zakat akan mempengaruhi jumlah agihan zakat di Malaysia. Peningkatan jumlah agihan zakat pula akan meningkatkan jumlah penerima zakat di Malaysia.

5. Kesimpulan

Kemunculan Revolusi 4.0 telah merancakkan penggunaan *FinTech* dalam urusan kewangan semasa. Penggunaan *FinTech* ini perlu dimanfaatkan oleh institusi zakat di Malaysia demi meningkatkan keupayaan pengurusan kutipan dan agihan zakat. Walaupun Malaysia mempunyai 16 buah institusi perbankan Islam tetapi masih terdapat ruang yang perlu diperbaiki bagi memastikan semua institusi perbankan Islam di Malaysia menawarkan perkhidmatan perbankan internet kepada semua institusi zakat negeri untuk bayaran zakat. Ini kerana terdapat beberapa institusi perbankan Islam yang masih tidak menjalinkan hubungan dengan semua institusi zakat negeri bagi perkhidmatan perbankan internet bagi tujuan bayaran zakat. Menurut Hamizul (2020), *FinTech* merupakan teknologi dalam kewangan dan sekiranya teknologi patuh Syariah maka institusi zakat wajar meraikannya.

Selain itu institusi zakat negeri perlu pro aktif menjalankan kerjasama dengan semua institusi perbankan Islam milik asing untuk menyedarkan pelanggan mereka tentang keperluan membayar zakat melalui kemudahan perbankan internet yang disediakan. Ini kerana melalui kerjasama yang erat dengan institusi perbankan Islam milik asing akan membuka ruang dan peluang kepada institusi zakat negeri untuk menarik pembayar zakat baharu yang berpotensi dan bersifat global. Di harapkan kajian ini akan dapat membantu institusi zakat negeri membuat pembaharuan dan penambahbaikan kepada sistem kutipan zakat khususnya berkaitan *online banking*.

Rujukan

- Aman Shah Siraj, Mohd Faisol Ibrahim, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, 2020. Engineering Of Zakat Fitrah's Collection Via Finance Technology (Fintech). E-Prosiding International Seminar On Islam and Science, pp. 876-881.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Salwa Amirah Awang & Abdul Majid Tahir Mohamed, 2012. Kepekabagaan Kaedah Pungutan Zakat: Analisis Di Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2003-2009. Jurnal Syariah. (20) 329-348.
- Fintech Malaysia Report 2018 – the state of playe for Fintech Malaysia. Dicapai pada 22 Oktober 2020, pada <https://fintechnews.my/17922/editors-pick/fintech-malaysia-report-2018/>
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, 2009. Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? Jurnal Syariah. (17) 1, 89-112.
- Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006. Pengurusan Zakat Semasa. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2001. Panduan Zakat Di Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2007. Pemantapan Sistem Zakat Dan Cukai Ke Arah Kemajuan Ekonomi Ummah. Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 22-24 Mei 2007. Kuala Lumpur: PWTC.
- Md. Shahnur Azad Chowdhury, Md Musa Khan & Ms Sultana Akter, 2013. Corruption in Islamic Perspective and the Roles of Information and Communication Technology (ICT) to Control It, Journal of Islamic Management and Business. Vol.5, No.11, pp. 36-43.
- Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite, 2012. Zakat Distribution and Growth in the Federal Territory of Malaysia. Journal of Economics and Behavioral Studies. Vol. 4, No. 8, pp. 449-456.
- Mohd Faisol Ibrahim, 2014. Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang, Jurnal Pengurusan. Vol. 42, 119-130.
- Mohd Faisol Ibrahim, 2016. Analisis Kaedah Bayaran Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Malaysia, The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research. Vol. 13, No 2, 109-123.
- Mohd Faisol Ibrahim, 2020. Pandemik Covid-19 Dan Implikasi Terhadap Institusi Zakat Di Malaysia Sebagai Institusi Kewangan Sosial Islam. Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan, 314-325, Alor Setar: Kedah

- Muhsin Nor Paizin, 2014. Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCasic2014 (e-ISBN978967-11768-4-9) 45, Kuala Lumpur: MALAYSIA.
- Rizal Mohd Nor, 2020. FinTech, BlockChain and Cyrtocurrency: Perkembangan dan Cabaran Semasa. Muzakarah Zakat Aset Digital 2020, Universiti Malaya.
- Shawal Kaslam. 2009. The Advancement of e-Zakat for Delivering Better Quality Service and Enhancing Governance Sphere of Zakat Institution in Malaysia. Paper prepared for presentation at the World Zakat Forum. Mei 27 – 30 2009. Indonesia: University Gajah Mada Yogyakarta.
- Siti Nur Liyana Zainal Abidin & Mohd Hasimi Yaaakob, 2020. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Fintech Dalam Kalangan Pengguna Di Malaysia. Jurnal Wacana Sarjana. Vol 4, No. 2, 1-13.
- Wahbah Al-Zuhaili, 1994. Fiqh & Perundangan Islam: Jld II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Temu bual bersama Ridzuan Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Operasi Agihan dan Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Kedah bertarikh 22 Oktober 2020.
- Temu bual bersama Hamizul Hamid, Ketua Jabatan Perundingan Kutipan (Dakwah Kutipan), Lembaga Zakat Selangor bertarikh 22 Oktober 2020.